

16/10/2000

Tempoh pemilihan dijangka alami perubahan

KUALA LUMPUR, Ahad - Tempoh pemilihan pucuk pimpinan Umno pada peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) dijangka mengalami perubahan, jika cadangan supaya ia diadakan selepas pilihan raya umum diterima.

Mengikut cadangan itu, pemilihan parti dibuat antara tempoh enam bulan hingga setahun selepas pilihan raya bagi mengelak ahli tertumpu kepada soal perebutan jawatan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata perkara itu adalah antara cadangan dalam draf pertama penyemakan Perlembagaan Umno yang dikemukakan kepada Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua hari lalu.

Draf yang sama turut diberikan kepada Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan akan dibentangkan pada mesyuarat MT di Alor Star, esok.

Katanya, jika cadangan itu diterima, mesyuarat pemilihan parti di semua peringkat yang diadakan setiap tiga tahun sekali akan diadakan mengikut tempoh pilihan raya umum.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyemakan Perlembagaan berkata, draf pertama itu dikemukakan selepas beliau menemui semua Perhubungan Umno Negeri, Pergerakan Pemuda dan Wanita.

"Satu sesi penerangan oleh Jawatankuasa Pengurusan Umno kepada pemimpin veteran bagi mendapatkan pandangan mereka sudah dipersetujui dan ia akan diadakan minggu depan," katanya kepada pemberita pada majlis Penanaman Pokok Alaf Baru, di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, mengikut cadangan itu pemilihan parti tidak semestinya diadakan lima tahun sekali kerana pilihan raya diadakan di antara tiga tahun setengah hingga lebih empat tahun saja.

Beliau berkata, antara cadangan lain ialah penambahan ahli MT daripada 25 kepada 30 serta penambahan ahli jawatankuasa bahagian untuk membolehkan lebih ramai menyumbang kepada parti.

Katanya, keahlian Jawatankuasa Disiplin Umno juga akan dipinda dengan melantik lembaga tatatertib yang bekerja sepenuh masa.

"Kalau dipersetujui pada perhimpunan khas, MT boleh melantik mereka yang mempunyai rekod perkhidmatan cemerlang atau veteran parti yang tidak memegang sebarang jawatan.

"Ini membolehkan ada kebebasan untuk menimbang apa saja kes dan berbeza dengan sistem sekarang kerana ahli Jawatankuasa Pengurusan juga menganggotai Jawatankuasa Disiplin," katanya.

(END)